

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

30hb. Januari 1971.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1971¹

Penyata Bulanan di-atas kedudukan kepegawaian
jawatan2 Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas di-
Malaysia Barat

Jumaah Menteri2 telah mengarahkan ia-itu satu penyata di-atas kedudukan kepegawaian di-dalam semua jawatan2 Kerajaan hendak-lah di-kemukakan kepada Jumaah itu tiap2 bulan.

2. Untuk memenuhi kehendak Jumaah Menteri2 itu ada-lah di-putuskan ia-itu sebagai permulaan, penyata di-atas kedudukan kepegawaian jawatan2 di-dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas (dahulu Bahagian I) sahaja di-sediakan dahulu. Penyata mengenai perkara yang sama bagi jawatan2 di-dalam Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas, Kumpulan Perkeranian dan Teknik, serta Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar mungkin di-kehendaki pada masa yang akan datang.

3. Ketua2 Setia Usaha Kementerian2/Ketua2 Jabatan ada-lah di-minta mengisi 2 salinan Borang Penyata seperti di-Lampiran 'A' tiap2 bulan. Panduan mengenai chara mengisi Borang Penyata itu ada-lah di-[lampiran 'B'](#). Kementerian2/Jabatan2/Bahagian2 yang di-kehendaki mengisi Borang Penyata itu ada-lah seperti di-senaraikan di-[Lampiran 'C'](#).

4. Borang Penyata hendak-lah di-isi untuk menunjukkan kedudukan kepegawaian pada 1hb tiap2 bulan bermula dari 1.2.1971. Borang Penyata yang telah di-isi hendak-lah di-hantar dalam 2 salinan kepada:-

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Chawangan Pusat Rekod Kakitangan Kerajaan,
d/a Bahagian Kemajuan Pertadbiran,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dato' Onn,
Kuala Lumpur.

5. Borang2 Penyata yang telah di-isi hendak-lah sampai kepada alamat di-atas pada atau sebelum 7hb. tiap-tiap bulan. Mithalnya Borang Penyata bagi kedudukan pada 1.2.1971 hendak-lah sampai pada atau sebelum 7.2.1971. Bersama2 ini di-sertakan Borang Penyata sechukup salinan untuk kegunaan sehingga bulan Disember, 1971.

1. Surat Pekeliling ini dibatalkan oleh [S.P.P. Bil. 5/71](#), mulai dari 30.4.71. Walau bagaimanapun, Borang Penyata dalam lampiran ini masih dikehendaki bagi kedudukan pada 1.4.71.

6. Ketua2 Setia Usaha / Ketua

2 Jabatan ada-lah di-minta mengemukakan sebarang cadangan jika ada untuk memperbaiki chara2 pengisian Borang Penyata ini.

Saya yang menurut perintah,

(Khalid bin Haji Ismail)
Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Semua Ketua2 Setia Usaha
Kementerian.

Semua Ketua2 Jabatan,
Persekutuan. (dengan sechukup salinan untuk Bahagian2.)

s.k. Pengarah,

Bahagian Kemajuan Pentadbiran, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

**Panduan untuk memenuhi Borang Penyata mengenai
kedudukan kepegawaian jawatan2 Kumpulan Pengurusan
dan Ikhtisas di-Malaysia Barat mengikut Surat
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1971.**

- CHATETAN** (a) Angka2 di-dalam penyata ini ada-lah mengenai jawatan2 dan pegawai2 yang berkhidmat di-Malaysia Barat sahaja. Oleh itu jawatan2 dan pegawai2 yang berkhidmat di-Malaysia Timor hendak-lah dikechualikan.
- (b) Bilangan jawatan yang di-nyatakan hendak-lah termasuk jawatan2 yang di-bekalkan di-dalam Anggaran Persekutuan dan jawatan2 yang di-bekalkan di-dalam Anggaran Negeri yang perlu di-isi oleh Pegawai2 Persekutuan.
- Ruang 1** Masokkan nama Kementerian/Jabatan/Bahagian yang mengemukakan Borang ini di-baris kosong yang di-sediakan. Kementerian/Jabatan/bahagian2 itu ada-lah seperti di-Lampiran 'C' berkembar.
- Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas yang di-bayar gaji daripada Anggaran Persekutuan hendak-lah di-nyatakan di-atas baris sa-tentang dengan perkataan 'Anggaran Persekutuan'. Pegawai2 Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas Persekutuan yang berkhidmat di-negeri2 di-dalam Malaysia Barat dan di-bayar gaji daripada Anggaran Negeri hendak-lah di-nyatakan di-atas baris sa-tentang dengan perkataan 'Anggaran Negeri'. Misalan Pegawai Persekutuan yang berkhidmat di-negeri dan di-bayar gaji daripada Anggaran Negeri ada-lah Jurutera Kerja Raya, Pegawai Pertanian dan Pegawai P.D.L. yang menjadi Pegawai Daerah. Bagi semua Jurutera Kerja Raya borang penyata ini di-isi oleh Ketua Pengarah Kerja Raya. Bagi pegawai2 PDL yang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri borang penyata ini di-isi oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
- Ruang 2** Ruang ini hendak-lah menyatakan jumlah bilangan jawatan Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas yang ada ujud pada 1 hb bulan yang di-liputi oleh Borang Penyata ini. Ini termasuk-lah jawatan yang di-ujudkan melalui Waran Perjawatan yang tarikh ujud-nya ia-lah pada atau sebelum 1hb bulan yang di-liputi oleh penyata.
- Bilangan jawatan termasuk jawatan sementara, jawatan tambahsentara, jawatan konterek dan jawatan Tingkatan tertinggi.
- Ruang 3** Ruang ini hendak-lah menyatakan bilangan jawatan yang di-isi oleh pegawai2 tetap dan pegawai2 konterek sahaja.
- Ruang 4** Ruang ini hendak-lah menyatakan bilangan jawatan yang di-isi oleh pegawai2 sementara dan pesara2 yang di-ambil bekerja semula. Jawatan2 yang di-isi sechara memangku dengan sepenoh masa boleh-lah di-anggap sebagai telah di-penuhi.
- Ruang 5** Angka di Ruang 5 ini ada-lah di-dapati dengan menolak angka Ruang 3 dan 4 daripada angka Ruang 2.
- Ruang 6** Peratusan kekosongan di-dapati dengan mengkalikan angka Ruang 5 dengan 100 dan kemudian membahagikan-nya dengan angka Ruang 2.
- Ruang 7** Pengosongan (attrition) termasuk-lah pengosongan jawatan kerana pegawai bersara, meletakkan jawatan, di-buang kerja, di-berhentikan kerja, atau meninggal dunia pada atau sebelum 1hb. bulan di-liputi oleh penyata.
- Ruang 8** Pengisian (recruitment) ada-lah di-maksudkan pegawai2 yang telah dilantek sechara resmi dan telah mula bertugas pada atau sebelum 1 hb bulan yang di-liputi oleh penyata. Mereka yang telah di-tawarkan jawatan tetapi belum mulai bertugas hendaklah di-kechualikan.

**SENARAI KEMENTERIAN2/JABATAN2/BAHAGIAN2
YANG DI-KEHENDAKKI MENGGISI BORANG PENYATA MENGIKUT
SURAT PEKELILING BIL.2 TAHUN 1971**

Bil. Turutan	Kepala/Pechahan Kepala, 1971	Nama Kementerian/Jabatan/Bahagian
1	B.1	Parlimen
2	B.2	Majlis Raja Raja
3	B.3	Juru Odit Negara
4	B.4	Surohanjaya Pilehanraya
5	B.5	Surohanjaya Perkhidmatan Awam
6	B.6	Surohanjaya Perkhidmatan Keretapi
		<u>PERDANA MENTERI</u>
7	B.7	Perdana Menteri
8	B.9	Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
9	B.10	Jabatan Kehakiman
10	B.11	Muzium Negara
11	B.12	Arkib Negara
12	B.13	Perangkaan
		<u>KEMENTERIAN PERTANIAN & TANAH</u>
13	B.14	Kementerian Pertanian & Tanah
14	B.14	Bahagian Kajiteknik Makanan
15	B.14	Bahagian Pertanian
16	B.14	Bahagian Parit & Taliayer
17	B.14	Bahagian Haiwan
18	B.14	Bahagian Perikanan
19	B.15	Jabatan Tanah Persekutuan
20	B.16	Jabatan Galian

21	B.17	Jabatan Ukor
22	B.18	Jabatan Penyiasatan Kajibumi
23	B.19	Jabatan Perhutanan
24	B.20	Jabatan Mergastua
25	B.21	Jabatan Orang Asli
26	B.22	Kementerian Perdagangan dan Perusahaan
27	B.23	Kementerian Belia & Sukan
28	B.24	Kementerian Pertahanan
29	B.25	Kementerian Pelajaran
30	B.28	Kementrian Luar Negeri
		<u>KEMENTERIAN KEWANGAN</u>
31	B.29	Perbendaharaan
32	B.32	Kastam & Eksais di-Raja (Malaysia Barat)
33	B.33	Jabatan Hasil Dalam Negeri (Malaysia Barat)
		<u>KEMENTERIAN KESIHATAN</u>
34	B.34	Kementerian Kesihatan
35	B.35	Jabatan Kimia
		<u>KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI</u>
36	B.36	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
37	B.37	Polis di-Raja Malaysia
38	B.38	Jabatan Imigresen
39	B.39	Pendaftar Pertubohan
40	B.40	Jabatan Pendaftaran Negara
41	B.41	Penjara
42	B.42	Jabatan Pertahanan Awam
43	B.43	Jabatan Perchetakan

Bil. Turutan	Kepala/Pechahan Kepala, 1971	Nama Kementerian/Jabatan/Bahagian
		<u>KEMENTERIAN PENERANGAN & KEBUDAYAAN</u>
44	B.44	Kementerian Penerangan & Kebudayaan
45	B.45	Jabatan Penyiaran
46	B.46	Jabatan Penerangan
		<u>PEGUAM NEGARA</u>
47	B.47	Jabatan Peguam Negara
48	B.48	Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pusaka dan Penyimpan Harta Musoh
49	B.49	Jabatan Kebangkrapan
		<u>KEMENTERIAN BUROH</u>
50	B.50	Kementerian Buruh
		<u>KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN & PERUMAHAN</u>
51	B.51	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
52	B.52	Peranchangan Bandar dan Kampong
53	B.53	Perkhidmatan Bomba
		<u>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN & LUAR BANDAR</u>
54	B.54	Kementerian Pembangunan Negara dan Luar bandar
55	B.55	Jabatan Kemajuan Kerjasama (Malaysia Barat)
		<u>KEMENTERIAN PENGANGKUTAN</u>
56	B.56	Kementerian Pengangkutan
57	B.57	Penerbangan Awam
58	B.59	Perkhidmatan Kajichuacha
59	B.60	Jabatan Laut
60	B.62	Pengangkutan Jalan
		<u>KEMENTERIAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN AM</u>
61	B.63	Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am
		<u>KEMENTERIAN KERJA RAYA, POS & TALIKOM</u>

62	B.64	Kementerian Kerja Raya, Pos & Talikom
63	B.64	Ibu Pejabat Kerja Raya (Malaysia Barat)
64	B.65	Perkhidmatan Pos (Malaysia Barat)Jabatan Talikom (Malaysia Barat)
65	B.66	Jabatan Talikom (Malaysia Barat)